



TEKS UCAPAN PEMBUKAAN

YABHG. TUN ARIFIN BIN ZAKARIA

PENGERUSI

**SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA
(RCI)**

**MENGENAI PENEMUAN KEM
PENEMPATAN SEMENTARA DAN
KUBUR DI WANG KELIAN, PERLIS**

PADA

17 APRIL 2019

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dan salam sejahtera

**Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri, Dato' - Dato',
Tuan - Tuan dan Puan - Puan yang saya hormati sekalian.**

**1) Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa
Penubuhan Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) Mengenai
Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di
Wang Kelian, Perlis ini telah mendapat perkenan Duli Yang
Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
pada 29 Januari 2019.**

**2) Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada saya sendiri
selaku Pengerusi, Yang Berbahagia Tan Sri Norian Mai
selaku Timbalan Pengerusi. Ahli-ahli Suruhanjaya RCI
ialah Yang Berbahagia Dato' Noorbahri bin Baharuddin,
Yang Berbahagia Tan Sri Razali bin Ismail, Yang
Berbahagia Datuk Junaidah binti Abd. Rahman, Yang
Berbahagia Datuk Nazirah binti Hussain, Yang Berbahagia
Dr. Tan Seng Giaw dan Yang Berusaha Tuan Yusran Shah
bin Mohd. Yusof selaku Setiausaha Suruhanjaya RCI.**

3) Selain itu, Suruhanjaya RCI juga dibantu oleh 2 (dua) orang Pegawai Pengendali iaitu Encik Khairul Anuar bin Abd. Halim dan Encik Saiful Hazmi bin Mohd. Saad.

4) Untuk makluman Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Terma Rujukan Suruhanjaya RCI ini ialah :

- (i) Meneliti semua dokumen dan bukti berkaitan dengan kes penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian, Perlis;**
- (ii) Menyiasat kejadian penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian, Perlis;**
- (iii) Menyiasat prosedur semasa dan selepas kejadian yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa;**
- (iv) Menjalankan siasatan (inkuiri) terhadap pegawai-pegawai penyiasat, saksi-saksi dan mana-mana individu yang difikirkan perlu;**
- (v) Menyiasat sama ada penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap prosedur penguatkuasaan selepas kejadian;**

- (vi) **Mengenalpasti implikasi terhadap negara selepas kejadian;**
- (vii) **Mengesyorkan tindakan dan penambahbaikan yang boleh diambil oleh Kerajaan; dan**
- (viii) **Mengemukakan laporan siasatan kepada Yang Di-Pertuan Agong.**

5) Dikesempatan ini juga saya selaku Pengerusi Suruhanjaya RCI ini ingin menyeru kepada mana-mana individu atau Pertubuhan Bukan Kerajaan atau mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkaitan penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian, Perlis bolehlah berhubung dengan pihak urusetia dengan merujuk Portal RCI Wang Kelian di laman web Kementerian Dalam Negeri (KDN).

6) Tanpa melengahkan masa saya menyerahkan kepada Pegawai Pengendali untuk meneruskan prosiding ini.

Dipersilakan.